

## CABARAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA PASCA MERDEKA

**Ahmad Rosli Mohd Nor<sup>a\*</sup>, Nur Husna Mohamed Rizal<sup>b</sup>, Nur Najwa Nabila Zin Adli<sup>c</sup>,  
Nur Syazlia Md Kassim<sup>d</sup>, Nurrul Hani Fazirra Mohd Hanif<sup>e</sup>, Nurul Syuhada Tajul  
Azhar<sup>f</sup>, Tasnim Harizang<sup>g</sup> dan Wan Nur Shuaidah Mohd Apandi<sup>h</sup>**

<sup>a</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Kampus Bandaraya Melaka, Malaysia

Email: ahmadrosli@uitm.edu.my

<sup>bcd<sup>efgh</sup></sup>Faculty of Business and Management, UiTM Kampus Bandaraya Melaka, Malaysia

\*Corresponding Author

### Article info

Received:  
02/01/2024  
Revise Version  
18/09/2024  
Accepted:  
22/09/2024  
Published:  
25/09/2024

**Keywords:**  
PKS; industri; global;  
cabaran

DOI:  
[10.24191/JIPSF/v6n22024\\_39-46](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v6n22024_39-46)

### Abstrak

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memang diakui memainkan peranan yang besar dalam pembangunan negara menuju kearah negara perindustrian. Kebanyakan pemain industri ini adalah dalam kalangan bumiputera dan pelbagai permasalahan telah digarap hasil daripada kajian-kajian sebelum ini. Kajian berbentuk analisis dokumen ini dilakukan untuk mengupas permasalahan pemain-pemain PKS dalam mendepani cabaran global masa kini. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan Teknik analisis dokumen. Beberapa dokumen yang berbentuk primer dan sekunder telah digunakan seperti artikel kajian, laporan, hasil wawancara dan laporan akbar. Hasil kajian menunjukkan wujud tiga cabaran utama yang dihadapi oleh PKS iaitu (1) Kekurangan sumber bahan mentah, (2) Sumber kewangan dan (3) Transformasi digital yang terlalu pantas. Beberapa cadangan untuk mengatasi permasalahan ini juga telah dikemukakan dan besar harapan agar ianya menjadi panduan kepada pemain PKS dalam menaikkan imej industri Malaysia di mata dunia.

### Abstract

*Small and Medium Enterprises (SMEs) are indeed recognized to play a significant role in the country's development towards becoming an industrialized nation. Most of these industry players are among the indigenous people, and various issues have been addressed based on previous studies. This document analysis study was conducted to dissect the issues faced by SME players in confronting current global challenges. The study was carried out using a qualitative approach employing Document Analysis Technique. Several primary and secondary documents such as research articles, reports, interview findings, and newspaper reports were utilized. The study's findings indicate the existence of three main challenges faced by SMEs, namely (1) Lack of raw material resources, (2) Financial resources, and (3) Rapid digital transformation. Several suggestions to address these issues have also been proposed, with high hopes that they will serve as a guide for SME players in enhancing Malaysia's industrial image on the world stage.*

**Keywords** SMES; industries; global; challenges

## PENGENALAN

Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah terbahagi kepada dua sudut pandangan sektor iaitu pembuatan, serta perkhidmatan dan sektor lain. Berdasarkan sektor pembuatan, PKS merupakan perniagaan yang jualan tahunannya tidak melebihi RM50 juta dan mempunyai pekerja yang tidak melebihi 200 orang. Manakala dari sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS merupakan perniagaan dimana jualan tahunannya tidak melebihi RM20 juta dan mempunyai pekerja yang tidak melebihi 75 orang (SME, 2021).

Seperti diketahui umum, PKS merupakan entiti yang amat penting dalam bidang ekonomi. Hal ini kerana, PKS telah banyak memberi sumbangan dari pelbagai segi. Laporan Jabatan Perangkaan tahun 2019 menyatakan bahawa PKS telah menyumbang peningkatan pertumbuhan pada sektor perkhidmatan sebanyak 7.4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Selain itu, peratus peningkatan tersebut juga telah merangkumi dengan pertumbuhan subsektor iaitu perdagangan borong dan runcit, makanan serta minuman dan juga penginapan yang telah berkembang pesat sebanyak 7.6% (Alzahrin Alias, 2020). Seterusnya, PKS juga memainkan peranan yang penting terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari pelbagai segi sebagai contoh, barang eksport, pembukaan peluang pekerjaan inovasi terhadap barang dan perniagaan serta peluang untuk menjadi pembekal kepada syarikat multinasional.

Hal ini dapat dibuktikan apabila perolehan PKS di Malaysia telah mencatat peningkatan sebanyak 5.8% pada tahun dari 2019 hingga 2020 (Alzahrin Alias, 2020). Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha-usaha untuk merapatkan jurang perniagaan antara bumiputera dan juga bukan bumiputera. Sebagai contoh, kerajaan telah membuat Program Pembangunan Usahawan dimana mereka akan membantu dari segi modal pembiayaan, infrastruktur, serta kemahiran dalam mengendalikan perniagaan. Setiap masyarakat terutama usahawan sedia ada ataupun bakal usahawan perlu mengambil peluang keemasan tersebut untuk memulakan langkah dalam dunia perniagaan. Kerajaan Malaysia juga sentiasa memastikan untuk memperbaharui setiap usaha atau program selari dengan perkembangan semasa (Azmi Wahab, 2019).

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam usaha membangunkan lagi pengusaha kecil dan sederhana, ianya tidak dinafikan lagi akan wujudnya beberapa masalah yang boleh dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana ini. Antaranya termasuklah masalah mendapatkan modal perniagaan, masalah pemasaran produk, pengurusan perniagaan dan sebagainya. Masalah ini timbul kerana sesetengah daripada mereka tidak mempunyai ilmu dan kepakaran yang rendah yang menyebabkan mereka memerlukan bimbingan untuk meneruskan perniagaan. Namun, tidak kira sebelum atau selepas kemerdekaan PKS tetap juga tidak pernah terlepas dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dapat menjaskan ketabilan dan penjualan dalam industri perniagaan walaupun sudah memberi banyak sumbangan kepada pelbagai sektor. Malahan pula, setiap cabaran yang dihadapi oleh setiap peniaga PKS juga telah menjadi satu batu loncatan untuk mereka berkembang pesat dan maju sekiranya mereka dapat mengatasi cabaran-cabaran tersebut dengan menyediakan solusi yang bernalas dan berkesan. Akan tetapi, setiap peratusan peningkatan yang telah dicapai oleh PKS masih lagi belum dapat mencapai sasaran kerajaan.

Umum mengakui bahawa masalah terbesar PKS amat berkait rapat dengan bumiputera kerana kedudukan perniagaan bumiputera telah jauh tertinggal berbanding berbanding dengan kaum bukan bumiputera (Zalika, 2020). Hal ini kerana, berlakunya peningkatan dan penurunan yang kerap serta peratusan yang mudah berubah terhadap prestasi PKS di Malaysia dan telah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan sosioekonomi (Azmi Wahab, 2019). Lebih-lebih lagi PKS amat sensitive dan mudah dipengaruhi oleh corak persekitaran dunia seperti wabak Covid yang nyata memberi pukulan dahsyat kepada PKS dan ramai pemain industri ini yang tidak mampu bangkit akibat penangan Covid 19.

Amat penting untuk kita mengetahui cabaran yang-cabaran yang wujud dalam PKS dan strategi-strategi yang berkesan untuk melawannya. Oleh itu, kajian ini telah dilakukan untuk membincangkan tentang

cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana selepas kemerdekaan Malaysia. Kerajaan sedaya upaya telah menyediakan pelbagai bantuan, program dan aktiviti yang dapat menarik minat bakal usahawan muda. Contohnya seperti, Pelan Strategik PKS 2012-2020. Hal ini dapat menstabilkan ekonomi Malaysia dan juga memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana pada era teknologi ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh PKS bumiputera yang dihadapi di Malaysia.
2. Mengenalpasti kaedah penambahbaikan untuk memajukan ekonomi PKS Bumiputera Malaysia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia**

Keusahawanan merupakan proses pembangunan negara yang telah bermula dan dipraktikkan sekian lamanya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dimana mereka melakukan proses dagangan dengan pedagang asing. Tanah Melayu pada zaman dahulu telah banyak melakukan urusan pedagang sehingga dapat memberi sumbangan dalam kemajuan negara. Walau bagaimana pun, pemerintahan tanah Melayu telah jatuh ke tangan British dan menyebabkan berlaku penukarannya struktur dagangan dan sosial. British telah mewujudkan sistem “Pecah dan Perintah” dimana mereka telah membahagikan sektor yang khusus kepada setiap kaum. Sebagai contoh, kaum cina dapat menguruskan lombong serta bermiaga, kaum india adalah sektor perladangan dan kaum melayu adalah sektor pertanian. Hal ini telah menyebabkan kaum Melayu dan India pada masa kini menghadapi cabaran untuk bermiaga dan berdaya saing dengan perusahaan kaum Cina kerana kaum Cina telah mendahului dalam sektor keusahawanan sejak zaman sebelum kemerdekaan (Noor Zalika, 2020). Tambahan pula, setiap tahun PKS perlu menghadapi pelbagai cabaran yang berbeza mengikut situasi yang berlaku di Malaysia seperti dari segi faktor ekonomi, teknologi, dan sumber.

PKS menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Menurut laporan dari SME Corp Malaysia, PKS menyumbang sekitar 38.3% kepada KDNK negara pada tahun 2022, dengan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar dalam kalangan PKS. PKS merupakan sumber utama pekerjaan, menyediakan kira-kira 48% daripada keseluruhan peluang pekerjaan di Malaysia. Cabaran PKS pada abad ke-21 ini telah menimbulkan pelbagai isu dan masalah yang perlu ditangani seperti pandemik Covid-19 sejak 2019 yang mengakibatkan ekonomi di Malaysia terjejas. Hal ini demikian, PKS perlu mengambil langkah yang betul agar dapat meneruskan perniagaan dan meningkatkan keuntungan. Menurut akhbar Sinar Harian, SME Corporation Malaysia menyarankan PKS perlu menggunakan teknologi dan pendigitalan dalam menjalankan perniagaan semasa pandemik COVIS-19 (Nazrin, 2021). Hal ini kerana, PKS menghadapi kesempitan kewangan dan dalam keadaan tidak stabil dan ia akan menjadi lebih sukar. Akses kepada pembiayaan menjadi cabaran terbesar yang dihadapi oleh PKS di Malaysia. Kajian oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil PKS berjaya mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan utama disebabkan oleh kekangan kredit, syarat ketat, dan kekurangan cagaran. BNM dan beberapa institusi kewangan lain telah memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan dan geran untuk membantu PKS mengatasi masalah ini. (BNM, 2022).

PKS di Malaysia juga kerap kali berdepan dengan isu berkaitan penerimaan teknologi baru dan inovasi. Menurut Asian Development Bank (2022), banyak PKS menghadapi kesukaran untuk melaksanakan teknologi terkini akibat kos yang tinggi serta kekurangan sumber manusia berkemahiran. Hal ini menyebabkan produktiviti mereka lebih rendah berbanding syarikat-syarikat besar yang lebih

mampu melabur dalam teknologi dan inovasi. Ini menyebabkan mereka sukar untuk menghadapi cabaran dalam bentuk persaingan global yang semakin sengit, terutamanya sejak globalisasi membuka pasaran Malaysia kepada syarikat antarabangsa. World Bank (2023) melaporkan bahawa PKS di Malaysia perlu bersaing bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga dengan syarikat global yang mempunyai sumber yang lebih besar serta teknologi yang lebih maju .

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang telah digunakan dalam kajian kes ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif yang merupakan dalam instrumen analisis dokumen. Untuk menghasilkan kertas kajian yang sempurna, dokumen-dokumen daripada sumber yang sah merupakan penyokong utama dalam kertas kajian ini agar dapat memberi maklumat yang relevan kepada isu Cabaran Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) yang telah dikaji. Antara dokumen-dokumen yang digunakan ketika mengkaji tentang isu Cabaran Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) ialah artikel jurnal, laporan, sumber bacaan buku ilmiah, dan kertas kerja prosiding untuk memastikan penghasilan kertas kajian ini adalah benar, teliti, dan tidak membuat tafsiran yang tidak benar.

### Kriteria dalam Pemilihan Bahan Maklumat

Dari segi pemilihan bahan maklumat dalam kajian ini, ia telah dihadkan kepada kajian-kajian yang tertumpu dalam cabaran dan halangan yang dihadapi oleh PKS, dan kaedah-kaedah penambahbaikan untuk memajukan ekonomi Bumiputera dalam kalangan PKS. Asas pemilihan carian maklumat ini tertumpu kepada negara di Malaysia bagi cabaran dan halangan yang dihadapi oleh PKS, namun bagi kaedah-kaedah penambahbaikan tidak tertumpu kepada bahasa, penerbitan, dan serta negara.

### Strategi dan Saiz dalam Pencarian Literatur

Untuk mencari maklumat yang sah dan penting, strategi dalam pencarian literatur amat dititikberatkan dengan menggunakan pangkalan data untuk mencari dokumen-dokumen melalui *Google Scholar* dan katalog perpustakaan di laman web Universiti Teknologi MARA Kedua, melihat rujukan daripada dokumen-dokumen seperti artikel jurnal untuk mendapatkan maklumat tambahan sebagai rujukan daripada pakar. Ketiga, melayari laman web rasmi kerajaan dan badan-badan profesional atau organisasi lain yang sah. Seterusnya, dari segi saiz pencarian literatur, sebanyak 35 buah dokumen telah dikenal pasti selepas menggunakan strategi dalam mencari maklumat melalui pangkalan data. Namun begitu, hanya 10 buah dokumen sahaja yang berpotensi dari segi kriteria tajuk dan objektif untuk diteliti lebih mendalam. Oleh itu, proses ini telah dikenalpasti untuk menepati kriteria kajian ini agar dapat memberi maklumat-maklumat yang sah dan benar.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis terhadap dokumen yang dijalankan yang terdiri daripada artikel yang berkaitan, laporan, berita akhbar dan rencana telah berjaya mencapai objektif kajian sebagaimana di bawah:

### Objektif 1: Cabaran Perusahaan Kecil Dan Sederhana

Jadual 1.1 Analisa Cabaran yang Dihadapi oleh PKS

Bil	Cabaran PKS	Faktor
1.	Kekurangan Sumber Bahan Mentah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembekal yang terhad</li> <li>• Harga bahan mentah yang tidak stabil</li> </ul>
2.	Kesukaran mendapatkan sumber kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faktor Kolateral</li> <li>• Kesukaran Mendapatkan Kelulusan Pinjaman</li> </ul>

3.	Transformasi Digital	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kos Pendigitalan</li><li>• Ancaman Siber</li></ul>
----	----------------------	--

Berdasarkan jadual 1.1 di atas, dapat dilihat bahawa pada masa ini sektor perusahaan kecil dan sederhana menghadapi pelbagai cabaran untuk meneruskan perniagaan. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah kekurangan sumber bahan mentah. Walaupun Malaysia berpotensi untuk berkembang maju pasca Malaysia diisytiharkan mencapai kemerdekaan tetapi ini tidak bermaksud industri seperti PKS tidak mempunyai sebarang cabaran untuk mengembangkan perniagaan terutama dari sudut pembangunan. Ini berlaku disebabkan pembekal memilih untuk menjual secara langsung kepada pengguna untuk membuat pemulihan keuntungan dan terdapat pembekal memilih untuk menjual kepada peniaga dengan harga yang tinggi. Kesannya, harga barang mentah semakin meningkat dan akan lebih menyukarkan perusahaan kecil dan sederhana untuk beroperasi dengan baik (Amri, 2022).

Masalah harga barang mentah yang tidak stabil ini menyukarkan perusahaan kerana menjelaskan kos dan secara tidak langsung memberi tekanan kepada usahawan seterusnya dianggap sebagai penghalang dan menjadi beban untuk pembangunan industri PKS itu sendiri (Ahmad, 2021). Kesannya, usaha PKS untuk mendapatkan pulangan yang tinggi juga sukar disebabkan harga bahan mentah yang tinggi dan tidak stabil serta produk yang dihasilkan hanya boleh dijual dalam kalangan penduduk setempat sahaja (Bachik, 2017). Cabaran PKS seterusnya iaitu kesukaran mendapatkan sumber kewangan ini berlaku disebabkan faktor kolateral yang sentiasa dijadikan sebagai kayu pengukur bagi sesebuah firmamendapatkan kewangan (Zairani & Zaimah, 2012). Kolateral bermaksud harta benda rumah yang dianggap sebagai harta pemilikan sendiri dan dijadikan sebagai kayu pengukur yang dicangarkan sebagai jaminan untuk pembayaran balik hutang kepada pembiutang. Hal ini demikian, boleh menyebabkan banyak peniaga tidak mampu menyediakan kolateral dan pengusaha akan lebih berminat untuk mendapatkan bantuan dengan pembiutang seperti “Ah Long”. Dasarwarsa ini, PKS sukar diluluskan pinjaman kerana tidak mempunyai penjamin yang layak, serta kolateral yang tidak setimpal dengan jumlah pinjaman yang dipohon (Mohd Asri, 1997). Dari aspek ini, cabaran PKS pada pasca merdeka ini adalah mereka tidak peka tentang informasi yang dikeluarkan oleh pihak bank tentang kaedah untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan dengan mudah. Justeru itu, kebanyakan pengusaha juga tidak dapat menyediakan penjamin yang mengikut kriteria yang ditetapkan dan menyumbang kepada pengusaha ini tidak dapat sumber kewangan yang mencukupi.

Sejak bermulanya era teknologi baharu selepas pasca merdeka, PKS di seluruh Malaysia terpaksa mengadaptasi kesan ekonomi baharu daripada transformasi digital. Di era teknologi ini penggunaan teknologi digital bukan lagi pilihan akan tetapi ia adalah faktor utama bagi pembangunan sesebuah negara. Antara cabaran yang perlu diadaptasi oleh PKS adalah kos pendigitalan. Ini termasuk juga kos yang berkaitan dengan sambungan Internet, perkakasan digital dan yuran langganan perisian. Banyak perniagaan kecil tidak berjaya bertahan dengan perubahan pendigitalan ini lebih-lebih lagi peniaga di kawasan luar bandar. Malah, ada juga segelintir peniaga yang agak ketinggalan dalam menggunakan kaedah ini kerana kos pendigitalan telah menjadi penghalang keupayaan mereka untuk meneruskan perniagaan (The Malaysian Reserve, 2021).

Selain itu, ancaman keselamatan siber juga dilihat sebagai isu serius dengan kekerapan serta intensiti yang berkembang setiap tahun. Merujuk kajian Cybersecurity for SMBs: Asia Pacific Businesses Prepare for Digital Defense yang dinyatakan oleh Cisco mendapati 50% PKS di Malaysia mengalami ancaman insiden siber. Hal ini kerana, para PKS tidak mempunyai masa dan tenaga kerja untuk memberi tumpuan sepenuhnya terhadap keselamatan siber dalam perniagaannya. Oleh itu, ancaman siber ini telah mendarangkan kesan terhadap perniagaan-perniagaan, dimana 32% PKS di Malaysia mengalami insiden siber dalam tempoh setahun yang telah dianggarkan kerugian sebanyak RM2.11 juta atau lebih (Liyana, 2021).

## **Objektif 2: Kaedah Penambahbaikan Isu Ekonomi Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Malaysia Pasca Merdeka**

Analisis terhadap dokumen-dokumen terpilih juga telah berjaya mendapatkan jawapan bagi objektif kajian yang kedua. Beberapa penambahbaikan telah disarankan seperti:

- a) Galakan kepada PKS untuk berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan atau bukan kerajaan

Masyarakat di pasca kapitalis ini pasti mengalami kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding daripada berada di era kolonial. Tambahan pula cabaran dalam aspek ketidak stabilan harga barang di pasaran akan mengganggu pendapatan sesebuah perusahaan dalam menjalankan perniagaan mereka. Hal daripada itu, memandang dari sudut ekonomi melalui permintaan dan penawaran barang turut menjadi salah satu faktor yang akan mempengaruhi harga pasaran. Ianya perlu diambil perhatian supaya masalah tersebut tidak memberi kesan yang besar terhadap perusahaan di Malaysia. Oleh itu, dalam membendung isu tersebut, antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menggalakkan PKS ini berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan atau bukan kerajaan. Program yang diselia oleh pihak tersebut akan memainkan peranan dalam menyediakan pembiayaan dan bengkel percuma. Melalui bengkel tersebut juga, ianya boleh dijadikan platform untuk perusahaan besar yang lain untuk berkongsi pelbagai pengalaman mereka dan memberi pendedahan strategi peningkatan jualan bagi membantu dalam meningkatkan lagi ekonomi perniagaan. (PKS, 2021)

- b) Penglibatan Agensi kerajaan dalam transformasi teknologi kepada PKS

Justeru itu, penglibatan agensi kerajaan dan bukan kerajaan tersebut boleh memberi peranan dalam bimbingan kepada perusahaan yang tidak celik dengan teknologi terkini untuk turut mengenal transformasi digital. Permasalahan dalam penggunaan teknologi maklumat tidak akan menjadi penghalang kepada perusahaan bermodalkan jumlah yang tidak besar untuk mengembangkan perniagaan. Inisiatif kerajaan yang menawarkan pembiayaan kepada PKS ini boleh menyalurkan sumbangan modal untuk membantu menggalakkan lagi perusahaan kecil megeluarkan produk inovasi kepada pasar yang sudah ada dengan menggunakan penghasilan variasi produk yang dimodifikasi. Inovasi ini berupaya untuk membangunkan lagi prestasi sesebuah perusahaan. Lain daripada itu juga, polisi-polisi kerajaan untuk menetapkan peraturan yang tegas terhadap perdagangan yang mendahului PKS bumiputera boleh membantu memulihkan ekonomi masyarakat. Namun, PKS perlu bekerjasama bersama agensi dibawah kerajaan untuk mengubah hala tuju perniagaan yang lebih berinovatif dan ke arah pendigitalan. Secara ringkas, kaedah-kedah ini dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat dan negara secara tidak langsung melalui keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan masyarakat. (Nasiruddin Haron, 2020).

## **KESIMPULAN**

Sektor perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia secara khususnya merupakan tunggak pertumbuhan ekonomi yang telah memberi impak yang positif terhadap masyarakat setempat. Hal ini kerana, ia telah membuka pelbagai jenis peluang pekerjaan yang dapat menyumbangkan kepada kemajuan dalam meningkatkan pendapatan ekonomi negara dan pembangunan sosioekonomi sekali gus melahirkan usahawan yang berjaya sejurus sahaja pasca merdeka di Malaysia. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PKS ini telah menghalang kelancaran perniagaan dari segi kos untuk mendapatkan pulangan yang tinggi.

Antara cabaran utamanya ialah dari sudut kekurangan sumber bahan mentah, kesukaran mendapatkan sumber kewangan, dan mengadaptasi transformasi digital ke arah keusahawanan. Malah, perbezaan kaum di Malaysia ini juga telah mencipta diskriminasi dalam setiap bidang perniagaan sektor yang tertentu bagi setiap kaum. Kendatipun, untuk menyuntik semangat dan usaha terhadap PKS agar dapat meneruskan perkembangan perusahaan-perusahaan ini, terdapat pelbagai cadangan yang boleh dirancang untuk memajukan PKS di Malaysia. Antaranya ialah dengan melaksanakan program seperti bengkel percuma. Dengan ini, PKS dapat menerapkan pengalaman daripada perusahaan yang besar

apabila menyertai bengkel percuma untuk mendapatkan maklumat berkaitan strategi peningkatan jualan dan mendapat pendekatan dalam transformasi digital di samping mengurangkan kos. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan juga boleh memantapkan polisi-polisi terhadap perdagangan dan menggalakkan PKS untuk menjadi usahawan yang berjaya melalui sumbangan inovasi untuk mencipta produk berkualiti demi negara. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menjelaskan bahawa setiap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PKS pasti terdapat pelbagai insiatif atau cadangan untuk membantu para PKS agar dapat mencapai kejayaan ke menara gading. Justeru itu, ia juga selaras dengan matlamat kerajaan Malaysia pasca kemerdekaan untuk membangunkan ekonomi demi membuka peluang pekerjaan untuk mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat.

## RUJUKAN

- Ahmad, S. (2021, November 22). Pengusaha IKS tertekan harga bahan mentah meningkat. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/173745/EDISI/Pengusaha-IKS-tertekan-hargabahan-mentah-meningkat>
- Amri, S. A. (2022, Mei 6). Barang makin mahal. Retrieved from Harian Metro:<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/738007/barang-makin-mahal>
- Asian Development Bank. (2022). "SME Technology Adoption and Innovation in Malaysia." ADB Annual Report.
- Azmi Wahab, Aida Idris & Diana Abdul Wahab. (2020). Journal of Social Sciences and Humanities. Retrieved from PERANAN PENGURUSAN STRATEGIK DALAM PERTUMBUHAN: <http://jurnalarticle.ukm.my/14588/1/37705-119068-1-SM.pdf>
- Bachik, N. A. (2017). Industri Kecil dan Sederhana di Malaysia. March.
- Bank Negara Malaysia. (2022). "Kajian Pekerjaan dan Peranan PKS dalam Ekonomi." Bank Negara Annual Report.
- Farikah, D. S. (2017). Pengantar Teori Kewirausahaan. Research Gate.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020, Julai 29). Prestasi PKS di Malaysia. Retrieved from [https://smecorp.gov.my/images/pdf/2021/LTPKS/BM/Laporan%20Ekonomi/2.%20Prestasi%20&%20Prospek%20Ekonomi%202019\\_20%20-%20Bab%202.pdf](https://smecorp.gov.my/images/pdf/2021/LTPKS/BM/Laporan%20Ekonomi/2.%20Prestasi%20&%20Prospek%20Ekonomi%202019_20%20-%20Bab%202.pdf)
- Liyana. (2021, December 2). Retrieved from Sekitar 32% PKS Malaysia Alami Kerugian Lebih RM2.11 Juta – Susulan Ancaman Siber: <https://rnggt.com/202118200/>
- Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof, Zurinah Tahir, Jalaluddin Abdul Malek, Ali Salman. (2020, December 12). Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH). Retrieved from Cabaran Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia:<https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/614/440>
- Nasiruddin Haron, R. M. (2020). Kepentingan Inovasi Terhadap Prestasi PKS Malaysia. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship, 52.
- Nazrin. (2021, Julai 2). Usahawan perlu adaptasi teknologi, pendigitalan mendepani Covid-19. Shah Alam. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/147612/BISNES/Usahawan-perlu-adaptasiteknologi-pendigitalan-mendepani-Covid-19>
- Noraniza Azmi. (2021, Oktober 15). BH Online. Retrieved from Pendigitalan dengan mudah serendah RM1.30 sehari untuk PKS: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2021/10/876288/pendigitalan-dengan-mudah-serendah-rm130-sehari-untuk-pks>
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. (2021). Langkah pemulihan PKS pascapandemik COVID-19. Retrieved from SME Corp Web

---

Site:<https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/news/4146-langkah-pemulihan-pks-pascapandemik-covid-19>

SME. (2021). Definisi PKS. Retrieved from [https://www.smeinfo.com.my/definisi-rasmi-pks/The Malaysian Reserve. \(2021, October 21\). Retrieved from Post-pandemic growth: Address barriers to business digital transformation: https://themalaysianreserve.com/2021/10/21/post-pandemic-growth-address-barriers-tobusiness-digital-transformation/](https://www.smeinfo.com.my/definisi-rasmi-pks/The Malaysian Reserve. (2021, October 21). Retrieved from Post-pandemic growth: Address barriers to business digital transformation: https://themalaysianreserve.com/2021/10/21/post-pandemic-growth-address-barriers-tobusiness-digital-transformation/)

Zalika, N. (2020, April 23). Cabaran Dan Halangan Membangunkan Usahawan Bumiputera Berjaya. Kedah. Retrieved from <https://elite.org.my/cabaran-dan-halanganmembangunkan-usahawan-bumiputera-berjaya/>

Alzahrin Alias. (2020, Julai 29). Sumbangan PKS kepada ekonomi negara terus meningkat. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2020/07/715985/sumbangan-pks-kepada-ekonomi-negara-terus>

World Bank. (2023). "SMEs in a Globalized World: Challenges and Opportunities." World Bank Publications.